

Bab 3

Akhbar *The Star*

Akhbar *The Star* telah mempunyai laman web yang tersendiri dan memberikan segala maklumat terkini seperti juga akhbar harian tetapi dalam bentuk elektronik. Alamat laman web *The Star* ialah <http://www.thestar.com.my>. *The Star Online* merupakan anak syarikat kepada Star Publication (Malaysia) Berhad yang menerbitkan akhbar harian. *The Star* dan *Sunday Star*. Laman web *The Star Online* telah dilancarkan pada 23 Jun 1995 dan telah menjadi akhbar dalam talian yang pertama di Malaysia.

Sejak penerimaan *The Star Online* oleh masyarakat, ia telah berjaya mendapat beberapa anugerah daripada pemerhati-pemerhati web yang terkenal. Khalayak sasaran *The Star Online* ialah masyarakat Malaysia khususnya. Ia memberikan faedah, terutamanya kepada masyarakat Malaysia yang berada di luar negara yang ingin mengetahui berita Malaysia dari sudut pandangan berita tempatan negara kita. “*Many foreigners, including overseas companies, use The Star Online to keep track of business and political happenings in this fast-rising nation*”. (www.thestar.com.my)

Dengan adanya akhbar elektronik ramai yang dapat manfaat. Bilangan pengunjung laman web *The Star Online* adalah dalam anggaran 30 juta dalam masa satu bulan. Selain daripada memberikan berita-berita terkini dalam laman web mereka, *The Star Online* juga memberikan pelbagai kemudahan lain seperti:

1. Periklanan dan kemudahan meletakkan laman web persendirian.
2. Perekaan dan penjagaan laman web persendirian.

3.1 Sejarah *The Star*

The Star telah diterbitkan buat pertama kalinya pada bulan September 9, tahun 1971. Pada asalnya ia dimulakan sebagai sebuah akhbar tempatan. Pada masa ini, pusat operasinya adalah di George Town, Pulau Pinang. Dengan penerbitan akhbar *The Star* ia telah menghasilkan beberapa sejarah penting. *The Star* merupakan akhbar berbentuk tabloid yang pertama di Malaysia. Selain daripada itu, ia juga merupakan akhbar pertama yang menggunakan teknologi percetakan “web-offset process”.

Dalam masa lima tahun penerbitan akhbar ini, sirkulasi akhbar ini telah meningkat dan pada permulaan tahun 1976, *The Star* berjaya menjadi akhbar utama di Pulau Pinang mengalahkan jumlah sirkulasi akhbar *The New Straits Times* yang berada di pasaran selama 139 tahun pada masa itu.



Logo *The Star Daily*

Pada tahun 1976, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman, yang telah bersara, menjadi presiden Star Publication (Malaysia) Bhd. *The Star* telah menjadikannya sebagai sebuah akhbar nasional pada 3 Januari 1976, apabila ia telah menubuhkan satu pejabat di Kuala Lumpur. Dua tahun kemudiannya, ibu pejabatnya di Pulau Pinang telah ditukar ke Kuala Lumpur.

Pada tahun 1981, ibu pejabat *The Star* telah berpindah ke kawasan Petaling Jaya kerana pertambahan dalam bilangan kakitangan serta perkembangan dalam bidang teknologi. Pada 23 Jun 1995, *Star Publication* telah mencipta sejarah dengan menjadi akhbar tempatan yang pertama – ketiga di Asia – melancarkan akhbar elektronik di laman web antarabangsa.

The Star telah melalui banyak perubahan dalam aspek perkembangannya, namun satu perkara yang masih tidak berubah ialah gaya laporannya, dengan berita dan artikel yang dibentuk khas mengikut minat dan citarasa yang berbeza tetapi sesuai dengan kehendak masyarakat tempatan.

Akhbar *The Star* mempunyai tiga bahagian iaitu:

1. Bahagian Utama (*Main Paper*)

Liputan mengenai berita terkini dalam dan luar negara.

2. Perniagaan Star (*Star Business*) mempunyai laporan mengenai pembangunan perniagaan, perkembangan pasaran, laporan kewangan serta perkembangan bursa saham.

3. Bahagian kedua (*Section 2*) mempunyai rencana berkenaan dengan cara hidup, hiburan, kesihatan, keibubapaan, etika sosial, sains, alam sekitar, fesyen, makanan dan sebagainya.

Akhbar *The Star* mempunyai bahagian mingguan yang berbeza diterbitkan iaitu:

- **Maritime** yang diterbitkan pada setiap hari Isnin yang membuat liputan mengenai industri perkapalan dan perdagangan laut.
- **In.Tech** yang diterbitkan pada setiap hari Selasa yang memfokus kepada perkembangan pengkomputeran dan teknologi informasi.
- **Youth 2** yang diterbitkan pada setiap hari Khamis memaparkan cara hidup dan perkembangan terkini bagi golongan remaja.
- **Weekender** yang menggantikan *Section 2* pada setiap hari Sabtu mempunyai rencana mengenai hobi, aktiviti masa lapang, dan tempat percutian.

Selain itu, terdapat sisipan khas yang diterbitkan iaitu:

- **Audiofile & AV** yang diterbitkan pada hari Khamis yang pertama setiap bulan. Bahagian ini memfokus kepada hi-fi, audio kereta, peralatan audio visual dalam rumah dan sebagainya.

- *Clove* yang diterbitkan pada hari Khamis yang kedua setiap bulan dengan memaparkan rencana mengenai keluarga, fesyen, persolekan dan masalah perhubungan manusia.
- *ConneXions* yang diterbitkan pada hari Khamis yang ketiga setiap bulan membuka mata pembaca mengenai dunia komputer, telekomunikasi, dan Intermit serta *The Star NIE* yang memberi nasihat dan teknik yang berkesan untuk belajar dan mengajar Bahasa Inggeris di sekolah menengah.

Manakala *Sunday Star* mempunyai seksyen yang berbeza dengan *The Star* yang diterbitkan pada hari biasa. *Sunday Star* mempunyai tiga seksyen yang diterbitkan khas termasuk:

- ***Education*** memberi liputan mengenai pekerjaan, peperiksaan, khidmat nasihat mengenai pengajian tinggi, perkembangan **NIE** (*Newspaper-in-Education*), dan sebagainya.
- ***Sunday Plus*** mempunyai rencana mengenai muzik, pengenalan buku baru dan pelbagai rencana mengenai hobi tertentu.
- ***Sunday Starter*** mengandungi komik, kata silang, ujian *I.Q* dan sudut kanak-kanak.

Demi perkembangan teknologi yang semakin maju terutama pengenalan teknologi informasi dan Intermit yang digunakan secara meluas pada zaman ini, *The Star* telah mengikuti jejak langkah kemajuan teknologi dengan menerbitkan edisi akhbar di ruangan siber pada 23 Jun 1995.

3.2 Terbitan lain *The Star Publication*

Selain daripada percetakan akhbar cetakan dan *Online*, *The Star Publication* turut menerbitkan 5 buah majalah iaitu :

1. Majalah Kuntum

Sebuah majalah bermotif pendidikan dalam Bahasa Melayu untuk kanak-kanak antara umur 6 hingga 12 tahun. Mula diterbitkan sejak bulan Februari tahun 1980. Motto majalah Kuntum ialah “*Learning is Fun*”. Selain daripada itu, kelab Kuntum turut mengadakan pelbagai aktiviti dan percutian untuk ahli-ahlinya. Harganya RM 1.50.



2. Shang Hai

Dikenali sebagai majalah perniagaan bahasa Cina yang paling popular. Fokus utama majalah ini ialah keadaan ekonomi, politik dan perniagaan pada masa kini. Harganya RM 3.00. Penerbitan pertamanya pada bulan Mac tahun 1979.



3. Flavours

Sebuah majalah masakan. Kandungan majalah ini ialah senarai tempat makanan, isu-isu makanan, resipi untuk makanan tempatan dan antarabangsa. Selain daripada itu, majalah ini turut dilengkapi dengan direktori kedai makanan. Penerbitan pertamanya ialah pada bulan Julai tahun 1995. Harganya ialah RM 9.80.




4. Day & Night

Majalah ini dilengkapi dengan berita hiburan di kawasan Lembah Kelang. Ia juga mempunyai peta kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan para pelancong dan peminat tanah air. Harganya ialah RM 2.00. Mula diterbitkan pada Januari tahun 1996.



5. Galaxie

Majalah hiburan dalam bahasa Inggeris. Diterbitkan dua kali dalam masa satu bulan. Khalayak sasaran majalah ini ialah golongan remaja dan golongan muda yang bekerja. Mula diterbitkan pada bulan Oktober 1974.



3.3 Akhbar dalam talian *The Star Online*

The Star Online merupakan laman web Internet bagi Star Publication(M) Bhd yang menerbitkan akhbar berbentuk *tabloid* di negara kita iaitu *The Star* dan *Sunday Star*. *The Star Online* telah dilancarkan pada 23 Jun 1995 dan mencipta sejarah sebagai akhbar pertama di Malaysia yang menggunakan Laman Web Antarabangsa. Sejak pelancaran, *The Star Online* telah memenangi beberapa anugerah daripada laman-laman yang menilai laman web. Semasa *The Star Online* memulakan penerbitan, harga sewa bagi 5MB dalam ISP Jaring ialah sebanyak RM 600.00 setahun.

3.3.1 Objektif *The Star Online*

Objektif utama akhbar elektronik ini adalah untuk membekalkan berita tempatan kepada rakyat Malaysia terutamanya yang berada di luar negara dan masyarakat dunia secara keseluruhannya. Ini bersesuaian dengan motto *The Star Online* iaitu “***Bringing Malaysia News to the World***”. Moto ini dengan jelas menjelaskan objektif utama akhbar ini, iaitu untuk menyebarkan berita tempatan dengan cara serta gaya berita tempatan tanpa dipengaruhi oleh pihak ketiga.

3.3.2 Khalayak Sasaran

The Star Online menjadi sebuah akhbar yang terkenal di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya di kalangan warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan inginkan berita tempatan. Selain daripada masyarakat Malaysia, akhbar ini turut diminati oleh masyarakat asing terutamanya syarikat luar negara yang menggunakan akhbar dalam talian ini untuk tujuan perniagaan dan mengetahui keadaan politik semasa. Dalam masa sebulan, jumlah pembaca telah mencapai angka 45 juta.

Selain daripada itu, melalui hasil kajian saya, kebanyakannya daripada masyarakat tempatan yang menggunakan Internet di rumah atau yang tidak menggunakan Internet lebih gemar membaca akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian. Ini adalah jelas apabila sejumlah besar daripada responden kajian iaitu sebanyak 84% responden memilih akhbar cetak.

Dengan kewujudan pelbagai perkhidmatan lain seperti kemudahan mel elektronik, perbualan dalam talian dan pembinaan kelab-kelab untuk berinteraksi, jumlah pengguna tempatan mula meningkat. Ini jelas dengan adanya kelab-kelab serta rakan-rakan senegara yang berbual dalam talian. Kemudahan-kemudahan tambahan yang disediakan oleh laman web ini berjaya menarik minat pengguna tempatan.

3.3.3 Sistem Operasi *The Star Online*

Laman Web *The Star Online* merupakan usaha bersama barisan *The Star Online* dan Hicom-Vertex. Pada permulaan projek ini, versi pertama yang dihasilkan adalah suatu yang mudah dan biasa di kalangan pengguna laman web. Versi keduanya pula menggunakan sistem operasi Linux dan Apache sebagai *server*.

Versi terbaru V5 menggunakan sistem operasi Windows NT dan IIS (*Internet Information Server*) yang dikatakan lebih mudah untuk digunakan. Pada hari ini, laman web *The Star Online* telah mempunyai wajah baru.

3.3.4 Perkhidmatan *The Star Online*

Selain daripada menerbitkan berita dalam web, *The Star Online* juga menyediakan perkhidmatan lain iaitu :

1. Pengiklanan dan Publisiti web pelanggan
2. Perekaan / Mengemaskini Laman Web
3. Mel elektronik

3.3.5 Pandangan Pengkritik Laman Web

The Star Online telah mendapat banyak komen daripada laman web antarabangsa dan memenangi beberapa anugerah dalam talian web. Antaranya ialah :

1. *The Best Business e-list (e-list September 1998 Comprehensive Site – Newspaper)*

Laman Web *The Star Online* menjadi sumber untuk berita alam perniagaan, maklumat kewangan daripada negara-negara pesat membangun di kawasan Asia Timur dan Selatan.

2. *Exite Review*

Dalam *Exite Review* dinyatakan bahawa Akhbar *The Star Online* dan *Sunday Star* adalah akhbar berbahasa Inggeris yang mempunyai pembaca dan rekaletak grafik

yang lebih menarik dan tersusun berbanding sesetengah laman web di Amerika Syarikat.

3. *Guide*

Guide pula menyatakan bahawa thestar.com merupakan sebuah akhbar yang baik (excellent) dari segi sumber maklumat dalam bidang perniagaan dan politik negara. Ia meliputi pelbagai aspek dan mengikut citarasa masyarakat daripada gossip-gossip celebriti sehingga ke resipi-resipi yang menarik. Akhbar ini juga dikatakan sebagai suatu akhbar dalam talian yang berjaya mendapat perhatian ramai dan memberikan maklumat kepada pelbagai jenis golongan masyarakat.

4. *Luckman Interactive – 5 stars*

Luckman Interactive memberikan lima bintang pada laman web *The Star Online*. Menurut mereka *The Star Online* membawa berita Malaysia kepada dunia. Ia juga memberikan maklumat mengenai negara yang indah dan aman. Mengandungi ‘feature stories’ dan berita dan pelbagai segmen yang menarik seperti pasaran saham, sukan, perniagaan dan teknologi maklumat.

5. *Magellan Internet Guide*

Magellan Internet Guide pula melihat kepada aspek berita sukan, perniagaan dan pembangunan teknologi. Selain daripada itu, laman web *The Star Online* juga mempunyai laporan seminar dan sebagainya.

6. *Nekkei Net*

Nekkei Net telah menyenaraikan laman web *The Star Online* dalam *Asia Pacific Hitlist* pada bulan Ogos tahun 1996.

7. Top 5% of all web sites point

Di bawah ialah statistik yang dihasilkan oleh pengkritik laman web mengenai laman web *The Star Online* berdasarkan kemasakan kandungan, persembahan dan pengalaman.


Kandungan 42/50

Persembahan 33/50

Pengalaman 35/50

3.3.6 Program-program gabungan bersama

Sejak setahun yang lalu, *The Star Online* telah mengadakan beberapa program gabungan bersama beberapa buah syarikat di Malaysia. Program-program gabungan bersama ini kebanyakannya memberikan maklumat terkini serta beberapa perkhidmatan kepada para pengguna akhbar online. Sebagai contoh ialah perkhidmatan Web, WAP dan SMS. Syarikat-syarikat yang mengadakan program bersama *The Star Online* ialah:





WAP PORTAL SDN BHD

3.4 Statistik-statistik penting

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkembangan akhbar *The Star*, statistik-statistik berikut dapat digunakan. Dalam jadual di bawah, senarai jumlah pembaca bagi akhbar-akhbar yang terdapat di negara kita jelas menunjukkan bahawa akhbar *The Star* mempunyai jumlah pembaca yang tertinggi.

Jadual 3.1: Jumlah pembaca akhbar-akhbar utama di negara kita.

<i>The Star (Harian)</i>	1,038,000
Sunday Star	1,015,000
New Straits Times	719,000
New Sunday Times	703,000
Malay Mail	242,000
Sunday Mail	306,000
Sun (Harian)	245,000
Sunday Sun	289,000

Sumber : AC Nielson Media Index, Malaysia – Januari hingga Disember 1998

Carta di atas menunjukkan jumlah pembaca setiap akhbar utama di negara kita. Dalam statistik ini akhbar *The Star* mempunyai jumlah pembaca yang paling tinggi. Dianggarkan bahawa sejumlah 1,038,000 juta jumlah pembaca akhbar *The Star* berbanding dengan akhbar *The New Straits Times* hanya sebanyak 719,000 ribu orang. Iaitu perbezaan sebanyak 296,000 ribu pembaca. Walaupun akhbar *The New Straits Times* lebih tua daripada akhbar *The Star*, namun jumlah pembaca akhbar tabloid ini lebih tinggi dan sehingga hari ini masih mencapai tahap ini.

Jadual 3.2: Jumlah sirkulasi bagi akhbar-akhbar utama di negara kita

The Star (Harian)	220,000
Sunday Star	252,565
New Straits Times	155,977
New Sunday Times	179,143
Nalay Mail	48,569
Sunday Mail	64,187

Sumber : Audit Bureau Circulation , Malaysia – Julai 1997 to 30th Jun 1998

Data sirkulasi di atas menunjukkan bahawa akhbar *The Star* merupakan akhbar yang mempunyai sirkulasi yang paling tinggi. Jumlah sirkulasi akhbar *The Star* melebihi pencabar tersekutunya iaitu *The New Straits Times* sebanyak 64%. Setelah memperolehi data-data mengenai pembaca serta jumlah sirkulasi akhbar ini, satu perbandingan dapat dilakukan dengan jumlah pembacanya dalam Internet.

3.5 Jumlah pengunjung *The Star Online*

Data di bawah menunjukkan jumlah pengunjung ke laman web *The Star Online* pada tahun 1997 dan 1998.

Jadual 3.3: Jumlah pengunjung laman web *The Star Online*

Bulan	1997	1998
Januari	6 050 814	24 723 851
Februari	6 198 199	27 645 251
Mac	7 581 752	31 308 208
April	8 413 332	30 470 504
Mei	7 815 000	33 598 535
Jun	8 157 941	34 957 907
Julai	9 234 688	37 383 690
Ogos	10 429 555	38 210 558
September	12 679 711	56 051 113
Okttober	17 824 512	52 163 706
November	20 210 335	50 127 206
Disember	21 802 451	47 628 592

Sumber: Kuan Yee Cheng – Satu Tinjauan dalam penerbitan akhbar *The Star Online*

Daripada statistik pengunjung ke laman web *The Star Online* adalah jelas bahawa jumlah pembacanya adalah tinggi berbanding akhbar cetakan kerana bersifat antarabangsa. Jumlah pembaca atau *readership* dianggarkan sebanyak **1,038,000** manakala jumlah pengunjung ke laman web adalah sebanyak **47,113,478** juta orang.

Statistik – April 1999

Jumlah Pengguna	47,113,478
Jumlah Tertinggi Dalam Masa 1 Hari	2,119,954 (April 1)
Purata Harian	1,570,449
Purata Mingguan	1,048,862

Jadual 3.4: Purata Harian pengunjung laman web *The Star Online*

Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
1,769,987	1,852,155	1,748,218	1,847,288	1,769,349	1,048,862	838,35

Sumber: Kuan Yee Cheng – Satu Tinjauan dalam penerbitan akhbar *The Star Online*

Jumlah pengunjung laman web *The Star Online* telah menunjukkan peningkatan yang mendadak sejak pelancaran. Statistik menunjukkan bahawa pada bulan September 1998, jumlah pengunjung laman web ini telah mencatatkan pencapaian tertinggi iaitu sebanyak 56.05 juta *hits* berbanding dengan 6 juta *hits* pada bulan Januari 1998. Pencapaian ini didorong oleh publisiti yang telah dibuat seperti periklanan melalui akhbar cetak *The Star*, *search engine*, dan pengenalan oleh laman web lain. Satu soal selidik telah dijalankan oleh pihak *The Star Publications* dan didapati 32% daripada responden mengenali *The Star Online* melalui iklan dalam akhbar *The Star*, diikuti dengan pencarian dari *search engine* dan diberitahu oleh orang yang telah melawat laman web mereka.

Satu senario yang jelas ialah pada bulan Disember misalnya, jumlah hits telah berkurangan berbanding bulan November. Ini adalah suatu keadaan yang biasa kerana ia adalah musim cuti. Maka pengguna Internet akan berkurangan. Ini terbukti dengan kajian yang telah dijalankan oleh A.C. Nielson yang menunjukkan bahawa pengguna Internet yang terbanyak ialah daripada tempat mereka bekerja berbanding rumah.

Jumlah pengunjung mengikut negara – Bulan Disember 1998**Jadual 3.5: Jumlah pengunjung laman web *The Star Online* mengikut negara-negara terpilih**

Negara	Jumlah Hits	Negara	Jumlah Hits
Malaysia	12 325 447	Sweden	85 310
Amerika Syarikat	6 791 292	Netherlands	70 193
United Kingdom	997 526	Brunei Darulsalam	66 981
Australia	798 716	Switzerland	51 918
Singapura	606 078	Ireland	42 622
Kanada	429 141	Perancis	35 503
Jepun	372 793	Indonesia	32 128
New Zealand	245 589	Taiwan	30 325
Hong Kong	115 296	Belgium	26 000
Jepun	112 554	Lain-lain	24 393 180

Sumber: Kuan Yee Cheng – Satu Tinjauan dalam penerbitan akhbar *The Star Online*

3.6 Bilik Berita Elektronik


Seperti yang telah kita lihat dalam bab dua, pengenalan sistem Macintosh untuk penerbitan elektronik telah membawa revolusi baru dalam bidang penerbitan. Teknologi penerbitan baru ini telah digunakan oleh syarikat akhbar untuk menghasilkan bahan terbitan yang lebih kreatif dan menarik. Produksi atau proses penerbitan bukan sahaja menjadi lebih menarik, malah memudahkan lagi proses percetakan.

Kini proses penghasilan fail selepas proses pisah warna dapat dielakkan dengan adanya sistem komputer yang dapat menghasilkan ‘plate’ untuk proses percetakan. Kini dengan adanya komputer, banyak proses percetakan dapat dielakkan seperti proses pemisahan warna, penghasilan plate, penghasilan fail dan lain-lain lagi.

Penggunaan teknologi komputer seperti sistem penerbitan atas meja (*desktop publishing*, DTP) dan Internet merupakan langkah pertama ke arah penerbitan akhbar elektronik. Apabila penggunaan teknologi digital mencapai kematangan, pihak penerbit akan melancarkan penerbitan elektronik yang mempunyai permintaan yang menggalakkan.

Bahagian bilik berita yang merupakan nadi sesebuah syarikat penerbitan adalah menjadi fokus utama untuk melakukan segala rombakan atau perubahan yang drastik. Oleh itu, bilik berita telah menggunakan teknologi komputer untuk memudahkan segala kerja terutamanya dalam penyediaan kopi naskhah, menyemak pruf, menyelitkan teks tambahan atau grafik, membuat rekaletak, *paste-up* dan pengumpulan maklumat.

Rajah 3.6: Proses penerbitan akhbar cetak dan akhbar dalam talian



Sumber : Diubahsuai dari rajah "How We Put It Together For You", *The Star*, 9 Sept 1996

Bilik berita elektronik adalah berbentuk struktur jalinan sirkular (*circular*). Semua proses yang dilakukan dalam bilik berita elektronik mempunyai hubungan antara satu sama lain. Ia adalah berbeza dengan bilik berita tradisional yang mempunyai fungsi kerja yang berasingan atau bersifat individu.

Dengan aplikasi sistem *Intranet* atau sistem talian dalaman, maka setiap komputer yang digunakan oleh setiap kakitangan di bilik berita dapat berkomunikasi antara satu sama lain. Segala kerja penulisan serta penyuntingan dapat dilakukan hanya dengan menaip dan disimpan dalam bentuk *softcopy* dan secara langsung ini akan menghapuskan pertukaran bahan terbitan secara hitam putih dan juga penjimatan kertas dapat dilakukan. Sistem komputer yang digunakan dapat membetulkan kesilapan ejaan dan tatabahasa kerana terdapat perisian komputer untuk tugas sedemikian. Sistem komputer yang digunakan oleh kebanyakan syarikat akhbar termasuk *The Star* ialah sistem ATEX, yang menghubungkan semua terminal komputer. Sistem komputer ATEX ini ialah sistem yang turut digunakan oleh *The Chronicle*.

Dalam bilik berita elektronik, proses editorial dimulakan oleh editor yang akan memberikan tugas kepada para wartawan. Setiap kategori berita misalnya kategori sukan, berita dalam negeri dan sebagainya mempunyai ketua mereka masing-masing yang menentukan nilai sesuatu berita yang dikehendaki. Kemudian, pemberita akan bergerak untuk mendapatkan informasi dan menulis laporan melalui sistem komputer yang disediakan di bilik berita.

Laporan berita yang siap ditulis oleh wartawan akan diperiksa oleh editor melalui komputer. Editor akan memeriksa laporan tersebut dan membuat keputusan terhadap tajuk berita sebelum dihantar kepada meja kopi (*copy desk / subs desk*).

Selepas itu, sub-editor akan menyunting laporan yang diterima dan seterusnya akan membuat rekaletak untuk ruangan berita yang telah disunting melalui komputer. Apabila siap oleh meja kopi laporan akan dihantar kepada bahagian grafik dan pra-cetak untuk melakukan rekaan grafik dan kerja reka letak halaman melalui sistem penerbitan elektronik yang menggunakan perisian tertentu seperti *Adobe Photoshop*, *Adobe PageMaker*, dan *Illustrator* (perisian untuk rekaan grafik dan reka letak). Gambar yang perlu dimuatkan dalam sesuatu halaman akan dimasukkan ke dalam komputer dengan menggunakan *scanner* dan kemudian diedit dengan menggunakan perisian grafik tadi.

Apabila segala proses disiapkan oleh bahagian pra-percetakan, semua bahan penerbitan dihantar ke bahagian produksi untuk diproses. Di sini bermulanya perpecahan dari segi proses berita berbentuk cetakan atau dalam bentuk digital.

Selain penggunaan sistem penerbitan atas meja, penggunaan komputer dalam mendapatkan maklumat melalui Internet turut menjadi satu perkembangan baru dalam teknologi perkomputeran. Internet telah menjadi salah satu medium untuk berkomunikasi dan sumber maklumat utama selain melalui alat komunikasi lain seperti telefon, mesin faks, perkhidmatan pos dan sebagainya.

Dengan adanya kemudahan perkhidmatan Internet, pemberita boleh membuat penyelidikan dan pengumpulan maklumat dengan lebih mudah melalui halaman web yang disediakan oleh pihak kerajaan, perpustakaan negara atau universiti, pertubuhan -

pertubuhan awam, dan sebagainya. Pemberita hari ini tidak perlu bergantung kepada bahan bacaan sahaja tetapi boleh bergantung kepada Internet untuk mendapatkan maklumat melalui Internet dengan lebih cepat dan boleh melepas sempadan negara untuk memperolehi maklumat terkini dari negara seberang laut dengan mudah.

Agensi berita seperti Bernama (www.bernama.com), AFP (www.afp.com), Reuters (www.reuters.com), Associated Press (www.ap.com) kini mempunyai laman web mereka sendiri dan syarikat media tempatan dapat menggunakan sumber berita dari agensi ini dengan membuat langganan. Selain daripada itu, proses penghantaran maklumat antara agensi berita ini lebih mudah dan cepat dengan adanya Internet. Walau bagaimanapun, sesetengah berita daripada agensi berita atau biro-biro yang ditempatkan di luar negara (Hong Kong, Amerika Syarikat, London) masih dihantar menerusi mesin faks.

Selain itu, penggunaan mel elektronik atau *e-mail* adalah meluas kerana ia adalah mudah, pantas, kos rendah. Penggunaan *e-mail* boleh dikatakan setanding dengan penggunaan telefon yang mudah, terutamanya berkomunikasi dengan pihak yang berada di seberang laut. Menurut Encik Wong Chun Wai, selaku editor bagi bahagian berita, *e-mail* banyak digunakan terutamanya apabila pemberita membuat liputan di seberang laut, laporan berita dapat dihantar dengan mudah melalui *e-mail* kepada editor yang berada di Malaysia. Misalnya, semasa persidangan APEC ke-16 yang dilangsungkan di Vancouver, Kanada, pemberita telah membuat laporan dengan menaip pada *laptop* semasa persidangan dan menghantarkan maklumat melalui *e-mail* di bilik berita yang menyediakan perkhidmatan Internet dan kabel telefon. Ia juga dijadikan alat komunikasi utama antara pemberita dengan editor seperti menghantar memo, notis, arahan atau mesej.

Mel elektronik juga digunakan untuk membuat temu ramah dan soal selidik. Dengan ini, pemberita bukan sahaja dapat menjimat masa, tetapi dapat memberi ruang masa untuk responden menjawab soalan.

Penggunaan Internet oleh para pemberita adalah meluas terutamanya untuk mengkaji reaksi khalayak terhadap sesuatu isu atau perkara. Terdapat laman web yang membuka ruangan untuk pengguna Internet membincangkan sesuatu isu, ia dikenali sebagai kumpulan berita atau *newsgroup*. Kemudahan *newsgroup* ini selalunya disediakan oleh ISP.

Kumpulan berita merupakan tempat mencari idea untuk menulis sesebuah rencana dengan melihat reaksi orang lain yang mengemukakan pandangan mereka melalui Internet, misalnya kumpulan berita yang ada di Malaysia ialah Sang Kancil Malaysia. Di sini pemberita boleh mengemukakan soalan atau isu dalam kumpulan perbincangan untuk mendengar pandangan para pengguna Internet. Penyertaan dalam kumpulan berita dapat memberi ilham kepada pemberita dan juga mengetahui pandangan segelintir orang terhadap sesuatu subjek yang dibincangkan. Walaupun pandangan yang dikemukakan oleh pengguna web tidak boleh mewakili pandangan khalayak umum tetapi ia merupakan salah satu sumber untuk mengumpul pandangan dan idea sesuatu subjek kepada pemberita.